

SOALAN LAZIM
myPTPTN, PAY 2WIN!

1. Soalan:

Apakah kempen myPTPTN, *Pay 2Win!*?

Jawapan:

Kempen myPTPTN, *Pay 2Win!* merupakan kempen kerjasama antara PTPTN bersama Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet).

2. Soalan:

Bilakah tempoh kempen ini bermula?

Jawapan:

Tempoh kempen ini bermula pada **1 Jun 2023 sehingga 30 November 2023.**

3. Soalan:

Siapakah yang layak untuk menyertai kempen myPTPTN, *Pay 2Win!*?

Jawapan:

Terbuka kepada pelanggan PTPTN yang merupakan **pengguna berdaftar aplikasi myPTPTN** di dalam tempoh kempen **KECUALI**:

- a. Kakitangan PTPTN (merangkumi pasangan dan anak-anak); dan
- b. Kakitangan Payments Networks Malaysia Sdn. Bhd (merangkumi pasangan dan anak-anak).

4. Soalan:

Apakah yang dimaksudkan dengan **pengguna berdaftar**?

Jawapan:

Pengguna berdaftar adalah merupakan pengguna yang telah mendaftar aplikasi myPTPTN di Web Aplikasi myPTPTN atau melalui aplikasi myPTPTN di telefon pintar.

5. Soalan:

Adakah permohonan perlu dibuat untuk melayakkan penyertaan kempen ini?

Jawapan:

Tidak perlu kerana kelayakan kempen ini adalah secara automatik dan selagi memenuhi terma dan syarat kempen.

6. Soalan:

Apakah syarat penyertaan dan kelayakan cabutan bagi kempen ini?

Jawapan:

Syarat penyertaan dan kelayakan cabutan bagi kempen ini adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Pengguna Baharu	Pengguna Sedia Ada
i.	Syarat Penyertaan	Terbuka kepada pelanggan PTPTN yang memuat turun dan membuat pengesahan identiti di aplikasi myPTPTN semasa tempoh kempen.	Terbuka kepada pengguna myPTPTN sedia ada yang membuat bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN dan/ atau membuat penambahan simpanan Simpan SSPN melalui myPTPTN semasa tempoh kempen.
ii.	Kelayakan Cabutan	<p>a) Lima puluh (50) kelayakan cabutan bagi pelanggan baharu PTPTN yang berjaya memuat turun dan membuat pengesahan identiti di aplikasi myPTPTN semasa tempoh kempen.</p> <p>b) Lima (5) kelayakan* cabutan setiap bulan bagi transaksi yang berjaya melalui myPTPTN (tidak tertakluk kepada bilangan transaksi dan jumlah RM)</p> <p><i>*Pelanggan hanya mendapat kelayakan cabutan sekali sahaja setiap bulan dalam tempoh kempen.</i></p>	<p>Lima (5) kelayakan* cabutan setiap bulan bagi transaksi yang berjaya melalui myPTPTN (tidak tertakluk kepada bilangan transaksi dan jumlah RM)</p> <p><i>*Pelanggan hanya mendapat kelayakan cabutan sekali sahaja setiap bulan dalam tempoh kempen.</i></p>

7. Soalan:

Adakah pengguna sedia ada layak untuk mendapatkan **lima puluh (50) kelayakan cabutan**?

Jawapan:

Tidak layak, ini kerana **lima puluh (50) kelayakan cabutan** adalah untuk **pelanggan baharu PTPTN yang berjaya memuat turun dan membuat pengesahan identiti di aplikasi myPTPTN** semasa tempoh kempen sahaja.

8. **Soalan:**
Bagaimanakah **lima (5) kelayakan* cabutan setiap bulan bagi transaksi yang berjaya** melalui myPTPTN akan diambil kira sebagai cabutan?

Jawapan:

Contoh pengiraan kelayakan cabutan adalah berdasarkan seperti di bawah:-

Perkara	Jun	Julai	Ogos	September	Oktober	November	Jumlah Kelayakan Cabutan Terkumpul
Transaksi	1x	5x	10x	15x	20x	-	25
Kelayakan Cabutan	5	5	5	5	5	0	

*Pelanggan hanya mendapat kelayakan cabutan sekali sahaja setiap bulan dalam tempoh kempen.

9. **Soalan:**
Berapakah **bilangan transaksi dan jumlah RM** yang dibenarkan bagi melayakkan penyertaan dan kelayakan cabutan untuk kempen ini?

Jawapan:

Tidak tertakluk kepada **bilangan transaksi dan jumlah RM** bagi melayakkan penyertaan dan kelayakan cabutan kempen.

10. **Soalan:**
Apakah hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini?

Jawapan:

Pemenang kempen akan memenangi hadiah berikut:

Pemenang	Hadiah	Bilangan Pemenang
Utama	Motorsikal Honda Vario 160	1 Pemenang
Kedua	Tablet iPad Pro 12.9" 256GB	2 Pemenang
Ketiga	Telefon Pintar <i>Samsung Galaxy Z Flip 4</i> 256GB	3 Pemenang
Saguhati	Jam Pintar <i>Apple Watch Series 8</i>	4 Pemenang

11. **Soalan:**
Bilakah tarikh cabutan akan dibuat?

Jawapan:

Secara tentatifnya, tarikh cabutan adalah 20 hari selepas tamat tempoh setiap cabutan. Walaubagaimanapun, tarikh ini mungkin akan berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa.

12. Soalan:

Jika peserta meninggal dunia semasa tempoh kempen, adakah peserta tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

Jawapan:

Layak, tertakluk kepada terma dan syarat peserta.

13. Soalan:

Bagaimanakah makluman kepada pemenang kempen ini akan dibuat?

Jawapan:

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: **www.ptptn.gov.my**

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh
Kempen myPTPTN, Pay 2Win!*

Maklumat dikemaskini pada 30 Mei 2023